

PRK Kajang Permainan Politik Pembangkang, Kata MB Perak

Bernama

10 Feb, 2014

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang adalah permainan politik yang sengaja diwujudkan parti pembangkang bagi menyelesaikan masalah dalaman mereka, kata Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Perak itu yakin kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak akan menjadi sebahagian daripada bahan permainan Ketua Pembangkang yang juga Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Hal ini kerana dia (Anwar) mahu mewujudkan permainan itu. Dia membuka gelanggang itu, dan dia juga mahu mempelawa BN masuk ke dalam gelanggang yang umpama sebuah 'teater' yang dicipta olehnya bagi mewujudkan suasana baharu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program Kepemimpinan Transformasi Negeri Perak anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak di sini, Isnin.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai tindakan parti pembangkang mewujudkan PRK bagi menyelesaikan masalah dalaman parti mereka.

PRK DUN Kajang diadakan berikutan anggota DUN itu Lee Chin Cheh dari PKR meletak jawatan pada 27 Jan lepas, dan sehari selepas itu, pakatan pembangkang menamakan Anwar sebagai calon mereka untuk kerusi tersebut.

Pada 1 Feb lepas, Anwar dilaporkan mengakui parti-parti sekutu dalam pakatan pembangkang memang telah membuat perancangan untuk mengosongkan kerusi DUN Kajang bagi memberi laluan kepadanya bertanding di kawasan itu bagi menyelesaikan masalah dalaman parti.

Zambry berkata situasi itu sama seperti pergolakan politik di Perak selepas pilihan raya umum (PRU) 2008 apabila anggota DUN Bota Datuk Nasaruddin Hashim bertindak melompat parti daripada BN ke Pakatan Rakyat (PR) bagi menguasai kerajaan negeri Perak.

"Mereka (parti pembangkang) mengajak orang BN untuk menyertai mereka dan pada masa yang sama mereka tidak menyangka ada tiga orang daripada mereka bertindak keluar dari PR kerana mengalami masalah dalaman.

"Disebabkan masalah dalaman mereka yang serius maka permainan politik diwujudkan...dan PRK DUN Kajang sama seperti helah yang dimainkan oleh mereka di negeri Perak beberapa tahun lepas cuma kaedahya berlainan," katanya.

Selepas PRU12 pada 2008, tiga wakil rakyat PR di Perak telah meninggalkan parti masing-masing untuk menjadi Adun Bebas dan telah menyatakan sokongan kepada BN dan memberikan majoriti

kepada BN bagi membentuk kerajaan negeri.

Tiga wakil rakyat itu terdiri Adun Behrang Jamaluddin Mohd Radzi, Adun Changkat Jering Mohd Osman Jailu, kedua-dua daripada PKR dan Adun Jelapang Hee Yit Foong daripada DAP.

Menyentuh usaha mentransformasikan Perak melalui Projek Perak Aman Jaya, Zambry berkata sebanyak 10,000 peluang pekerjaan disediakan tahun ini.

Pada 2012, projek tersebut telah mewujudkan 12,000 peluang pekerjaan dan mencatat pertumbuhan pembangunan sebanyak 7.1 peratus seperti yang diumumkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, katanya.

Program Kepemimpinan Transformasi Negeri Perak yang merangkumi seminar kepemimpinan dianjurkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Institut Darul Ridzuan dan Menteri Besar Incorporated dan dihadiri lebih 60 peserta terdiri barisan Exco kerajaan negeri, pegawai kewangan negeri dan pegawai dari pihak berkuasa tempatan.

Zambry berkata seminar itu bertujuan untuk memberi kesedaran kepada peserta tentang pentingnya semangat kepemimpinan dalam kalangan mereka bagi memastikan matlamat transformasi pembangunan negeri Perak tercapai.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1013350>